



NEGERI KEDAH DARUL AMAN

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF KEDAH DARUL AMAN GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 50

29hb Mac 2007

No. 7

---

AKTA MAHKAMAH RENDAH 1948

(Akta 92)

SUBORDINATE COURT ACT 1948

(Act 92)

**No. 151.**

LANTIKAN DI BAWAH SEKSYEN 79  
APPOINTMENT UNDER SECTION 79

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh subseksyen 79(2) Akta Mahkamah Rendah 1948 [*Akta 92*], maka inilah Pihak Berkuasa Negeri dengan ini melantik pegawai dalam Jadual yang tersebut di bawah menjadi Majistret Kelas Dua di dalam dan bagi Negeri Kedah Darul Aman selagi beliau menjalankan tugas-tugas jawatan yang bertentangan dengan nama masing-masing dan tarikh yang bertentangan dengan nama mereka:

In exercise of the powers conferred by subsection 79(2) of Subordinate Court Act 1948 [*Act 92*], the State Authority hereby appoints the officers in the Schedule here to be a Second Class Magistrate in and for the State of Kedah Darul Aman for so long as they exercise the powers and perform the duties of the post appearing against their respective names with effect from the date shown against their names:

## JADUAL/SCHEDULE

Bil.	Nama	Jawatan Yang Dilantik	Tarikh Lantikan
1.	Tuan Haji Muhamad Nor bin Haji Rofie	Memangku Pengarah Tanah dan Galian	1-11-2006

## WARTA KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

166

[29hb Mac 2007]

Bil.	Nama	Jawatan Yang Dilantik	Tarikh Lantikan
2.	Puan Halijah binti Mohd. Ibrahim	Timbalan 1 Pengarah Tanah dan Galian	1-11-2006
3.	Tuan Haji Mohd. Shahadan bin Abdullah	Ketua Penolong Pengarah Tanah dan Galian (Bhg. Pembangunan Tanah)	1-11-2006
4.	Puan Sharifah Norulasyikah binti Syed Mohamad	Penolong Pengarah Tanah dan Galian (Bhg. Pembangunan Tanah)	1-11-2006
5.	Puan Maznim binti Ismail	Penolong Pengarah Tanah dan Galian (Bhg. Pembangunan Tanah)	1-11-2006
6.	Tuan Syed Shafulamin bin Syed Ahmad Fuzi	Penolong Pengarah Tanah dan Galian (Bhg. Pembangunan Tanah)	1-11-2006
7.	Encik Mohd. Shazarulazwan bin Sarip	Penolong Pengarah Tanah dan Galian (Bhg. Pembangunan Tanah)	1-11-2006
8.	Encik Abdul Halim bin Hassan	Penolong Pengarah Tanah dan Galian (Bhg. Perundangan)	1-11-2006
9.	Encik Saiful Anuar bin Azmi	Pendaftar Surat Hakmilik	1-11-2006
10.	Puan Saadah binti Haji Ibrahim	Penolong Pengarah Tanah dan Galian (Unit Pembahagian Pusaka Kedah Tengah dan Utara)	16-8-2001

Bertarikh 8 Februari 2007

Dated 8 February 2007

[PSU(K) 1342/1375 Jld. 4 SK. 49. PTG/KED/J:8/1975 Jld. 5]

A. RAHMAN BIN HAJI ZAINOL  
*Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan  
Kedah*

### UNDANG-UNDANG PENTADBIRAN AGAMA ISLAM 1962 ADMINISTRATION OF MUSLIM LAW ENACTMENT 1962

No. 152.

PEMBERITAHUAN FATWA DI BAWAH SEKSYEN 38  
NOTIFICATION OF FATWA UNDER SECTION 38

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 38(2) Enakmen Pentadbiran Agama Islam 1962 Majlis Agama Islam Negeri Kedah Darul Aman dengan persetujuan Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah Darul Aman dengan ini menyatakan fatwa seperti yang dinyatakan dalam Jadual.

In exercise of the powers conferred by subsection 38(2) of the Administration of Muslim Law Enactment 1962 Majlis Agama Islam Negeri Kedah Darul Aman with the concurrence of the Fatwa Committee of the State of Kedah Darul Aman hereby publishes the *fatwa* as set out in the Schedule.

## JADUAL/SCHEDULE

- A. BAHAWASANYA berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), ajaran dan pegangan yang dibawa dan disebarluaskan oleh Ahli Jamaah Syarikat Rufaqa' Corporation Sdn. Bhd. (SRC) dan rangkaian syarikat gabungannya mengandungi fahaman yang menyamai Kumpulan Al-Arqam yang telah diharamkan. Ahli jamaah Syarikat Rufaqa' Corporation Sdn. Bhd. juga didapati mengamalkan ajaran dan pegangan baru yang telah menyeleweng daripada ajaran Islam. Penyelewengan tersebut adalah seperti berikut:
- (a) Kesalahan yang bercanggah dengan aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah berdasarkan kepercayaan bahawa—
- (i) Haji Ashaari bin Muhammad adalah *Sahibul Zaman (Mujaddid)*, manakala Syeikh Muhammad as-Suhaimi pula sebagai Imam Mahdi.
  - (ii) Haji Ashaari bin Muhammad mempunyai kelebihan meramal dan mengetahui perkara yang akan berlaku pada masa hadapan. Setiap ramalan tersebut dianggap oleh Ahli Jamaah Syarikat Rufaqa' Corporation Sdn. Bhd. sebagai sebahagian daripada jadual Tuhan untuk memberi kemenangan kepada mereka.
  - (iii) Haji Ashaari bin Muhammad mendapat ilmu secara langsung daripada Syeikh Muhammad as-Suhaimi dan Rasulullah s.a.w. berkenaan perkara yang akan berlaku pada masa hadapan.
  - (iv) *Mujaddid* atau *Sahibul Zaman* (Haji Ashaari bin Muhammad) mendapat ilmu terus dari Allah (ilham, ilmu *ladduni* atau kasyaf) yang meliputi soal agama, dunia, hal ehwal semasa, pemerintahan, bina insan dan lain-lain. Ilham dari Tuhan datang kepadanya seperti air sungai yang mengalir.
  - (v) Ahli jamaah yang banyak menghayati minda Abuya (Haji Ashaari bin Muhammad) dan dapat pula melaksanakannya adalah orang yang paling kuat hubungan mental dengan Abuya.
  - (vi) Minda Abuya (Haji Ashaari bin Muhammad) itu sebenarnya adalah wahyu dari Tuhan. Bagaimanapun, wahyu yang diturunkan kepada Abuya adalah 1/46 daripada kenabian.

- (vii) Allah hendak mengangkat kembali Islam di akhir zaman dengan menghantar *Sahibul Zaman* (Haji Ashaari bin Muhammad), Imam Mahdi (Syeikh Muhammad as-Suhaimi) dan Nabi Isa a.s. yang telah tersedia oleh Allah untuk melaksanakan jadual Tuhan.
- (viii) Minda Abuya (Haji Ashaari bin Muhammad) difahami sebagai intisari Quran dan hadith dan Abuya adalah orang Tuhan yang berupaya menyampaikan intisari tersebut kepada pengikutnya untuk diamalkan. Dengan itu, tidak perlu lagi merujuk kepada Quran dan Hadith kerana minda sudah lengkap.
- (ix) Perjuangan Ahli Jamaah Syarikat Rufaqa' Corporation Sdn. Bhd. dibantu dan dilindungi oleh para *Rijal Ghaib* yang terdiri daripada para malaikat, jin Islam dan roh-roh *muqaddas* (roh suci para ahli jamaah yang telah meninggal dunia).
- (x) Bertawassul kepada Abuya (Haji Ashaari bin Muhammad) ketika menghadapi sesuatu kesulitan atau kecemasan, Abuya akan menghantar bantuan sama ada menggunakan jin Islam atau dengan karamahnya.
- (xi) Abuya (Haji Ashaari bin Muhammad) adalah manusia yang hebat. Malahan, lebih hebat daripada kita mempunyai 10 orang ibu dan ayah kerana menurut mereka hubungan dengan ibu bapa hanya terbatas di dunia, sedangkan hubungan dengan Abuya kekal sehingga ke akhirat.
- (xii) Allah akan memberitahu Abuya (Haji Ashaari bin Muhammad) tentang musibah sakit yang dialami oleh Ahli Jamaah Syarikat Rufaqa' Corporation Sdn. Bhd. Sekiranya sakit tersebut tidak tertanggung oleh ahli jamaah, Abuya boleh meminta agar Allah meringankan derita pada kadar yang mampu ditanggung oleh ahli jamaah.
- (xiii) Abuya (Haji Ashaari bin Muhammad) mempunyai kelebihan untuk menangguhkan ajal sekiranya ahli jamaah yang sampai ajal itu masih banyak dosa.
- (xiv) Abuya (Haji Ashaari bin Muhammad) boleh meminta Allah menggantikan ajal kepada ahli jamaah lain yang telah sempurna iman dan taqwa.
- (xv) Sewaktu ahli jamaah sedang nazak, Abuya (Haji Ashaari bin Muhammad) akan hadir dan berada di sebelah kanan kepala dengan mengajarkan talkin. Dengan itu, syaitan tidak akan menyesatkan ahli jamaah berkenaan.

- (xvi) Sewaktu ahli jamaah sedang disoal oleh malaikat di alam kubur, Abuya (Haji Ashaari bin Muhammad) akan datang menemani dan menjawab soalan malaikat bagi pihak ahli jamaah. Dengan itu, ahli jamaah berkenaan terlepas seksaan kubur.
- (xvii) Sewaktu di padang masyar, Abuya (Haji Ashaari bin Muhammad) menunggu-nunggu untuk memberikan syafaat kepada para pengikutnya.
- (b) Kesalahan yang bercanggah dengan Syariah Islamiyyah adalah berdasarkan kepada kepercayaan bahawa—
- (i) Ibadat sembahyang Jumaat pada mereka adalah tidak wajib kerana kerajaan yang ada sekarang bukan kerajaan Imam Mahdi. Apabila Imam Mahdi muncul dan membentuk kerajaan barulah ibadat sembahyang Jumaat menjadi wajib.
  - (ii) *Sahibul Zaman* (Haji Ashaari bin Muhammad) tidak memerlukan kitab dalam proses pengajaran dan pembelajaran kerana ilmunya datang terus dari Allah dalam bentuk ilham.
  - (iii) Orang yang berjuang dengan mempunyai minda Abuya (Haji Ashaari bin Muhammad) adalah lebih tinggi pahala dan darjatnya jika dibandingkan dengan mereka yang tidak mempunyai minda Abuya dalam perjuangan.
  - (iv) Seorang ahli ibadah (*'Abid*) hanya mampu menjadi hamba biasa kerana tidak mempunyai minda setaraf dengan wahyu dan tidak boleh menjadi khalifah.
  - (v) Quran yang ada sekarang hanya tinggal *mashaf* dan lafaz sahaja. Roh quran telah ditarik balik oleh Tuhan dan hanya diberikan kepada *mujaddid* (Haji Ashaari bin Muhammad).
  - (vi) Sembahyang sehari semalam hanya tiga waktu sahaja iaitu Subuh, sembahyang jamak Zohor dan Asar serta jamak Maghrib dan Isyak.
  - (vii) Segala amalan baik di dunia tidak dapat menandingi amalan pengikut Abuya (Haji Ashaari bin Muhammad) walaupun seseorang itu bersembahyang, berpuasa dan berpuluhan kali menunaikan ibadat haji.
  - (viii) Duduk semajlis dengan Abuya (Haji Ashaari bin Muhammad) pahalanya lebih tinggi daripada mengerjakan sembahyang selama 40 tahun atau sembahyang tahjud sepanjang hayat.
  - (ix) Beramal dengan *Aurad Muhammadiyah* sebagai satu cara untuk menjaga hubungan hati atau rohani dengan Abuya (Haji Ashaari bin Muhammad). Dengan mengamalkan *Aurad*

*Muhammadiah*, ahli jamaah akan sentiasa dipantau dan dibimbing secara rohaniah oleh Abuya.

- (x) Amalan *Aurad Muhammadiah* akan terbatal sekiranya ahli jamaah melakukan dosa besar, tidak mengamalkannya tujuh hari berturut-turut, tidak taat dan yakin serta mengaibkan Abuya (Haji Ashaari bin Muhammad).
- (xi) Mengamalkan zikir agung (ذِكْرُ الْعَظِيمِ) yang terkandung di dalamnya unsur tawassul, menyeru roh orang yang telah mati serta mendakwa bahawa al-Syeikh Muhamamad bin Abdullah as-Suhaimi sebagai Imam Mahdi.
- (c) Kesalahan yang bercanggah dengan akhlak dan etika bermasyarakat adalah berdasarkan kepada kepercayaan bahawa—
- (i) Ulama yang ada sekarang adalah ulama kitab atau ulama hafalan yang bergantung kepada kitab dan hafalan untuk mengajar. Manakala *Sahibul Zaman* pula, ilmunya datang terus dari Tuhan.
  - (ii) Orang yang menuntut ilmu agama sehingga ke peringkat Ph.D adalah tidak bermanfaat kerana ilmu yang dituntut itu bersumberkan kitab lama dan ketinggalan zaman.
  - (iii) Ilmu para ulama sekarang dengan mendakwa ilmu mereka tidak setanding dengan ilmu orang Tuhan (Haji Ashaari bin Muhammad).
  - (iv) Allah melarang ulama yang berwatak Nabi berjuang melainkan setelah munculnya mujaddid yang berwatak Rasul.
- B. BAHAWA ajaran, pegangan dan fahaman yang dibawa dan dipegang oleh Ahli Jamaah Syarikat Rufaqa' Corporation Sdn. Bhd. dan rangkaian syarikat gabungannya adalah menyeleweng daripada ajaran Islam.
- C. OLEH YANG DEMIKIAN, Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah Darul Aman mengambil keputusan bahawa:
- (i) Mana-mana orang Islam secara individu atau berkumpulan melalui pertubuhan, persatuan atau syarikat yang menjadi ahli jamaah atau pengikut Syarikat Rufaqa' Corporation Sdn. Bhd. dan rangkaian syarikat gabungannya adalah mengamalkan ajaran, pegangan dan fahaman yang menyeleweng daripada ajaran Islam;
  - (ii) Mana-mana orang Islam secara individu atau berkumpulan melalui pertubuhan, persatuan atau syarikat yang menjadi ahli jamaah atau pengikut Syarikat Rufaqa' Corporation Sdn. Bhd. dan rangkaian syarikat gabungannya dengan berselindung di sebalik apa-apa aktiviti ekonomi,

perniagaan, pendidikan, kesenian, perubatan, pembinaan, pertanian, perladangan, telekomunikasi atau apa-apa aktiviti lain yang berhubung kait dengan Syarikat Rufaqa' Corporation Sdn. Bhd. dan apa-apa ajaran, pegangan dan fahaman kumpulan al-Arqam, adalah mengamalkan ajaran, pegangan dan fahaman yang menyeleweng daripada ajaran Islam;

- (iii) Mana-mana orang Islam secara individu atau berkumpulan melalui pertubuhan, persatuan atau syarikat yang cuba menghidupkan kembali ajaran dan fahaman Kumpulan Al-Arqam sama ada melalui Syarikat Rufaqa' Corporation Sdn. Bhd., rangkaian syarikat gabungannya atau mana-mana pertubuhan, persatuan atau syarikat yang mempunyai unsur-unsur persamaan dengan ajaran, pegangan dan fahaman Kumpulan Al-Arqam adalah mengamalkan ajaran, pegangan dan fahaman yang menyeleweng daripada ajaran Islam;
- (iv) Mana-mana orang Islam secara individu atau berkumpulan melalui pertubuhan, persatuan atau syarikat yang mengamalkan ajaran, pegangan dan fahaman yang disebut di dalam subperenggan 3(i), (ii) dan (iii) adalah mengamalkan ajaran, pegangan dan fahaman yang bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah;
- (v) Apa-apa variasi, versi, bentuk atau cabang mana-mana ajaran, pegangan atau fahaman Kumpulan Al-Arqam dan ajaran, pegangan atau fahaman Ahli Jamaah Syarikat Rufaqa' Corporation Sdn. Bhd. atau apa-apa ajaran, pegangan atau fahaman kumpulan baru yang mempunyai persamaan dengan unsur-unsur ajaran, pegangan dan fahaman Kumpulan Al-Arqam dan Ahli Jamaah Syarikat Rufaqa' Corporation Sdn. Bhd. adalah bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dan menyeleweng daripada ajaran Islam; atau
- (vi) Apa-apa jua bahan publisiti yang menonjolkan atau menghidupkan ajaran Kumpulan Al-Arqam dan ajaran, pegangan atau fahaman Ahli Jamaah Syarikat Rufaqa' Corporation Sdn. Bhd. atau apa-apa ajaran, pegangan atau fahaman kumpulan baru yang mempunyai persamaan dengan unsur-unsur ajaran, pegangan dan fahaman Kumpulan Al-Arqam dan Ahli Jamaah Syarikat Rufaqa' Corporation Sdn. Bhd. dalam apa jua bentuk penerbitan dan cetakan adalah diharamkan.

Bertarikh 1 Mac 2007

Dated 1 March 2007

[PSU(K) 703-1409. AGAMA(K) 534 Jld. 1]

DATO PADUKA SYEIKH HASBULLAH BIN HAJI ABD. HALIM

*Mufti Negeri  
Kedah*

KANUN TANAH NEGARA  
(Akta 56 tahun 1965)

NATIONAL LAND CODE  
(Act 56 of 1965)

No. 153.

(Seksyen 168)

NOTIS-NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN  
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG  
BAHARU SEBAGAI GANTINYA)

(Section 168)

NOTICES OF INTENTION TO ISSUE TITLE IN CONTINUATION (OR NEW ISSUE DOCUMENT  
IN LIEU THEREOF)

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara,  
notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan surat  
hakmilik sambungan bagi tanah-tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah:

In exercise of the powers conferred by section 168 of the National Land Code, notice  
is hereby given that it is proposed to issue title in continuation to the lands described  
in the Schedule below:

JADUAL/SCHEDULE

Bandar/Mukim—Sala Besar. No. Lot/Bahagian dan No. Fail—7674, PTY(B) 30/  
2006. Keluasan/Jenis dan No. Surat Hakmilik—5.79 hektar, GM 2998. Sebab-sebab—  
Hilang.

Bertarikh 7 Februari 2007

Dated 7 February 2007

[PSU(K) 946-1379 Jd. 116(104). PDY(T) 88/82/B Jld. 5(2)]

MAHAMAD SUHAIMI BIN MAN  
*Pentadbir Tanah Yan*  
*Kedah*

No. 154.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara,  
notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan surat  
hakmilik sambungan bagi tanah-tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah:

In exercise of the powers conferred by section 168 of the National Land Code, notice  
is hereby given that it is proposed to issue title in continuation to the lands described  
in the Schedule below:

## WARTA KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

29hb Mac 2007]

173

### JADUAL/SCHEDULE

Bandar/Pekan/Mukim—Serdang. No. Lot/Bahagian dan P.T.—PT 1226. Keluasan/Jenis dan Surat Hakmilik—0.7261 hektar, HSM 93. Sebab-sebab—Hilang dalam simpanan.

Bertarikh 12 Februari 2007

Dated 12 February 2007

[PSU(K) 946-1379 Jd. 116(103). PTBB/I/H/03/2007]

FADZIL BIN ABDUL KADIR  
*Pentadbir Tanah Bandar Baharu*  
*Kedah*

### No. 155.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah-tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah:

In exercise of the powers conferred by section 168 of the National Land Code, notice is hereby given that it is proposed to issue title in continuation to the lands described in the Schedule below:

### JADUAL/SCHEDULE

Bandar/Pekan/Mukim—Bandar Sungai Petani, Daerah Kuala Muda. No. Lot/Bahagian dan No. Fail—Lot 8662, PTG.KED/B/5/2007(IK). Keluasan/Jenis dan Surat Hakmilik—235 meter persegi, GRN 61431. Sebab-sebab—Hilang dalam simpanan.

Bertarikh 12 Februari 2007

Dated 12 February 2007

[PSU(K) 946-1379 Jd. 116(111). (4) dlm. PTG.KED/B/5/2007(IK)]

SAIFUL ANWAR BIN AZMI  
*Pendaftar Surat-Surat Hakmilik Tanah*  
*Kedah*

### No. 156.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan surat hakmilik sambungan bagi tanah-tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah:

In exercise of the powers conferred by section 168 of the National Land Code, notice is hereby given that it is proposed to issue title in continuation to the lands described in the Schedule below:

## WARTA KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

174

[29hb Mac 2007]

### JADUAL/SCHEDULE

Bandar/Pekan/Mukim—Bagan Samak. No. Lot/Bahagian dan P.T.—Lot 6976. Keluasan/Jenis dan Surat Hakmilik—0.6053 hektar, GM4800. Sebab-sebab—Hilang dalam simpanan.

Bertarikh 12 Februari 2007

Dated 12 February 2007

[PSU(K) 946-1379 Jd. 116(102). PTBB/I/H/04/2007]

FADZIL BIN ABDUL KADIR  
*Pentadbir Tanah Bandar Baharu*  
*Kedah*

### No. 157.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah-tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah:

In exercise of the powers conferred by section 168 of the National Land Code, notice is hereby given that it is proposed to issue title in continuation to the land described in the Schedule below:

### JADUAL/SCHEDULE

Bandar/Pekan/Mukim—Bandar Kulim, Daerah Kulim. No. Lot/Bahagian dan No. Fail—Lot 1369, PTG.KED/B/6/2007(IK). Keluasan/Jenis dan Surat Hakmilik—260 meter persegi, GRN 66405. Sebab-sebab—Hilang dalam simpanan.

Bertarikh 12 Februari 2007

Dated 12 February 2007

[PSU(K) 946-1379 Jd. 116(107). (4) dlm. PTG.KED/B/6/2007(IK)]

SAIFUL ANWAR BIN AZMI  
*Pendaftar Surat-Surat Hakmilik Tanah*  
*Kedah*

### No. 158.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah-tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah:

In exercise of the powers conferred by section 168 of the National Land Code, notice is hereby given that it is proposed to issue title in continuation to the land described in the Schedule below:

# WARTA KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

29hb Mac 2007]

175

## JADUAL/SCHEDULE

Bandar/Pekan/Mukim—Mukim Sungai Petani, Daerah Kuala Muda. No. Lot/Bahagian dan No. Fail—Lot 13684, PTG.KED/B/2/2007(IK). Keluasan/Jenis dan Surat Hakmilik—130 meter persegi, GRN 17217. Sebab-sebab—Hilang dalam simpanan.

Bertarikh 12 Februari 2007

Dated 12 February 2007

[PSU(K) 946-1379 Jd. 116(110). (4) dlm. PTG.KED/B/2/2007(IK)]

SAIFUL ANWAR BIN AZMI  
*Pendaftar Surat-Surat Hakmilik Tanah  
Kedah*

### No. 159.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah-tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah:

In exercise of the powers conferred by section 168 of the National Land Code, notice is hereby given that it is proposed to issue title in continuation to the lands described in the Schedule below:

## JADUAL/SCHEDULE

Bandar/Pekan Mukim	No. Lot/Bahagian dan No. Fail		Keluasan/Jenis dan No. Surat Hakmilik	Sebab-sebab
Siong	3792	PTB/B/I/H/48/2006	Hektar 1.4288	SPK 21919
Bakai	1484	PTB/B/I/R/50/2006	0.4804	SPK 16484
Kupang	9673	PTB/B/I/H/52/2006	1.545	GM 1922
Bakai	3269	PTB/B/I/H/57/2006	0.5858	GM 547
T. Kanan	361	PTB/B/I/H/59/2006	2.7796	SPK 4061
"	6749	PTB/B/I/H/60/2006	1.384	GM 2624
Bakai	1508 & 1943	PTB/B/I/H/62/2006	0.321 & 0.9406	GM 2274 & GM 2723
Baling	1561	PTB/B/I/H/63/2006	0.7358	GM 1609
Kupang	7753	PTB/B/I/H/64/2006	0.3637	GM 1081
Bongor	701	PTB/B/I/H/65/2006	0.5464	SPK 1990
Kupang	5903	PTB/B/I/H/67/2006	0.7991	GM 5011

# WARTA KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

**176**

**[29hb Mac 2007]**

Bandar/Pekan Mukim	No. Lot/Bahagian dan No. Fail	Keluasan/Jenis dan No. Surat Hakmilik		Sebab-sebab	
Pulai	7867	PTB/B/I/H/68/2006	Hektar 0.2513	GM 2396	Hilang dalam simpanan
Bakai	4274	PTB/B/I/H/69/2006	0.8469	GM 980	" "
Siong	2680	PTB/B/I/H/70/2006	0.9436	SPK 16626	" "
T. Kanan	4694	PTB/B/I/H/71/2006	1.6297	GM 730	" "
Pulai	2163 & 2227	PTB/B/I/H/73/2006	0.632 & 0.2022	GM 4542 & GM 4557	" "
Tawar	3299	PTB/B/I/R/74/2006	0.4836	GM 327	Rosak dalam simpanan
Kupang	8210 & 6506	PTB/B/I/R/74/2006	0.1708 & 1.4622	GM 992 & SPK 21694	" "
Pulai	7351	PTB/B/I/H/76/2006	1.3812	GM 6777	Hilang dalam simpanan
Bongor	143	PTB/B/I/H/77/2006	0.8751	GM 331	" "
Siong	2638 & 2649	PTB/B/I/H/78/2006	1.5275 & 0.7462	SPK 14685 SPK 14696	" "
"	580 & 2080	PTB/B/I/H/80/2006	0.6529 & 0.8728	GM 3066 & GM 3943	" "
Tawar	1834	PTB/B/I/H/81/2006	R. J. KP. 5 234 SPK 12701	" "	
Pulai	444	PTB/B/I/H/81/2006	Meter Persegi 3169.5177 SPK 3917	" "	

Bertarikh 13 Februari 2007

Dated 13 February 2007

[PSU(K) 946-1379 Jd. 116(112). PTB/B/4/84 Jld. 4(247)]

ABDUL SHUKOR BIN ABDUL GHANI  
*Pentadbir Tanah Baling*  
*Kedah*

**No. 160.**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan surat hakmilik sambungan bagi tanah-tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah:

In exercise of the powers conferred by section 168 of the National Land Code, notice is hereby given that it is proposed to issue title in continuation to the lands described in the Schedule below:

# WARTA KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

29hb Mac 2007]

177

## JADUAL/SCHEDULE

Bandar/Pekan/Mukim—Bagan Samak. No. Lot/Bahagian dan P.T.—Lot 1431. Keluasan/Jenis dan Surat Hakmilik—0.632 hektar, GM 3980. Sebab-sebab—Hilang dalam simpanan.

Bertarikh 14 Februari 2007

Dated 14 February 2007

[PSU(K) 946-1379 Jd. 116(101). PTBB/I/H/05/2007]

FADZIL BIN ABDUL KADIR  
*Pentadbir Tanah Bandar Baharu*  
*Kedah*

### No. 161.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan surat hakmilik sambungan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah kerana sebab-sebab yang berikut:

Hilang.

In exercise of the powers conferred by section 168 of the National Land Code, notice is hereby given that it is proposed to issue title in continuation to the land described in the Schedule below for the following reasons:

Lost.

## JADUAL/SCHEDULE

Bandar/Pekan Mukim	No. Lot/Bahagian dan No. Fail			Keluasan/Jenis dan No. Surat Hakmilik	
Kubang Pasu	Lot 925	I/H 16/2007		0.8648	PM 227
" "	Lot 1153	I/H 16/2007		0.0959	PM 228
Kepelu	Lot 762	I/H 17/2007		0.5434	GM 1698
Sanglang	Lot 686	I/H 19/2007		2.8457	GM 1490
Jerlun	Lot 2548	I/H 20/2007		0.5970	SPK 12983 (GM 1911)
Naga	Lot 1850	I/H 22/2007		2.8278	GM 3101

# WARTA KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

178

[29hb Mac 2007]

Bandar/Pekan Mukim	No. Lot/Bahagian dan No. Fail		Keluasan/Jenis dan No. Surat Hakmilik	
Naga	Lot 519	I/H 23/2007	Hektar 0.6648	GM 2449
Padang Perahu	Lot 1176	I/H 24/2007	2.2399	GM 428

Bertarikh 20 Februari 2007

Dated 20 February 2007

[PSU(K) 946-1379 Jd. 116(99). PTKP/I/H/2007(9)]

MASTURA BINTI SAPIFEE  
*b.p. Pentadbir Tanah Kubang Pasu  
Kedah*

## No. 162.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan surat-surat hakmilik tanah (luar) bagi tanah-tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah:

Hilang.

In exercise of the powers conferred by section 168 of the National Land Code, notice is hereby given that it is proposed to replace the issue document of title to the land described in the schedule below:

Lost.

### JADUAL/SCHEDE

Bandar/Pekan Mukim	No. Lot/Bahagian dan No. Fail		Keluasan/Jenis dan No. Surat Hakmilik	
Bandar Sungai Petani	79962	PTKM(B) IK/52/2006	Meter Persegi 260	HSM 21096
" " "	79978	PTKM(B) IK/52/2006	335	HSM 21098
Kuala	797	PTKM(B) IK/53/2006	Hektar 0.2893	GM 120
Teloi Kiri	3277	PTKM(B) IK/54/2006	1.746	GM 262
Kota	339	PTKM(B) IK/55/2006	1.44995	GM 308
Pekula	2014	PTKM(B) IK/56/2006	Meter Persegi 97	GM 1106
"	901	PTKM(B) IK/57/2006	0.6027	HSM 23
Sungai Petani	3847	PTKM(B) IK/58/2006	111	HSN 4532/89

# WARTA KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

29hb Mac 2007]

179

Bandar/Pekan Mukim	No.	Lot/Bahagian dan No. Fail	Keluasan/Jenis dan No. Surat Hakmilik
Sungai Petani	10011	PTKM(B) IK/60/2006	Kaki Persegi 6000 HSM 99/1989
Simpor	964	PTKM(B) IK/61/2006	Hektar 7.3181 GM 1730
"	917	PTKM(B) IK/62/2006	1.3322 GM 1925
Pekula	555	PTKM(B) IK/63/2006	0.6832 GM 25756
Sungai Petani	21632	PTKM(B) IK/64/2006	Meter Persegi 258.28 HSM 17514
Pinang Tunggal	243	PTKM(B) IK/65/2006	0.5206 SPK 28950
Teloi Kiri	—	PTKM(B) IK/66/2006	Hektar 1.8616 S. AK539/59
Rantau Panjang	528	PTKM(B) IK/67/2006	0.0422 GM 433
Pekula	284	PTKM(B) IK/68/2006	0.591 GM 1489
Gurun	1969	PTKM(B) IK/69/2006	1.2242 GM 115
Rantau Panjang	1157	PTKM(B) IK/70/2006	2.735 GM 122
Simpor	1370	PTKM(B) IK/71/2006	0.6222 GM 603
"	283	PTKM(B) IK/72/2006	Meter Persegi 3.0597 GM 1232

Bertarikh 7 Mac 2007

Dated 7 March 2007

[Bil. (53) dlm. PTKM(B) 4/1971 Jld. 2]

ZAHARI BIN ISMAIL  
*Pentadbir Tanah Kuala Muda*  
*Sungai Petani*  
*Kedah*

**No. 163.**

(Seksyen 187B)

NOTIS-NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN DOKUMEN  
HAKMILIK KELUARAN SEMENTARA YANG BARU

(Section 187B)

NOTICES OF INTENTION TO ISSUE DOCUMENT OF QUALIFIED TITLE

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 187B, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran sementara bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini:

## WARTA KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

180

[29hb Mac 2007]

In exercise of the powers conferred by section 187B of the National Land Code, notice is hereby given that it is proposed to replace of issue document of qualified title to the land described in the Schedule below:

### JADUAL/SCHEDULE

Bandar/Pekan/Mukim—Bandar Kulim, Daerah Kulim. No. Lot/Bahagian dan No. Fail—Pt 922, PTG.KED/B/4/2007(IK). Keluasan/Jenis dan Surat Hakmilik—1280 meter persegi, HS(D) 5044. Sebab-sebab—Hilang dalam simpanan.

Bertarikh 12 Februari 2007

Dated 12 February 2007

[PSU(K) 946-1379 Jd. 116(109). (4) dlm. PTG.KED/B/4/2007(IK)]

SAIFUL ANWAR BIN AZMI  
*Pendaftar Surat-Surat Hakmilik Tanah  
Kedah*

### No. 164.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 187B, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran sementara bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini:

In exercise of the powers conferred by section 187B of the National Land Code, notice is hereby given that it is proposed to replace of issue document of qualified title to the land described in the Schedule below:

### JADUAL/SCHEDULE

Bandar/Pekan/Mukim—Bandar Kulim, Daerah Kulim. No. Lot/Bahagian dan No. Fail—Pt 833, PTG.KED/B/3/2007(IK). Keluasan/Jenis dan Surat Hakmilik—1919 meter persegi, HS(D) 4955. Sebab-sebab—Hilang dalam simpanan.

Bertarikh 12 Februari 2007

Dated 12 February 2007

[PSU(K) 946-1379 Jd. 116(108). (4) dlm. PTG.KED/B/3/2007(IK)]

SAIFUL ANWAR BIN AZMI  
*Pendaftar Surat-Surat Hakmilik Tanah  
Kedah*

### No. 165.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 187B, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran sementara bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini:

# WARTA KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

29hb Mac 2007]

181

In exercise of the powers conferred by section 187B of the National Land Code, notice is hereby given that it is proposed to replace of issue document of qualified title to the land described in the Schedule below:

## JADUAL/SCHEDULE

Bandar/Pekan/Mukim—Mukim Tawar Dalam, Daerah Baling. No. Lot/Bahagian dan No. Fail—Pt6592, PTG.KED/B/7/2007(IK). Keluasan/Jenis dan Surat Hakmilik—10.341 hektar, HS(D) 2072. Sebab-sebab—Hilang simpanan.

Bertarikh 12 Februari 2007

Dated 12 February 2007

[PSU(K) 946-1379 Jd. 116(106). (4) dlm. PTG.KED/B/7/2007(IK)]

SAIFUL ANWAR BIN AZMI  
*Pendaftar Surat-Surat Hakmilik Tanah*  
*Kedah*

## No. 166.

(Seksyen 326)

NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MEMOTONG KAVEAT

(Section 326)

NOTICE OF INTENDED REMOVAL OF CAVEAT

Kepada Johari bin Ahmad beralamat di Kg. Mempelam, Mukim Mergong, Alor Star, 05150 Kedah dan atas permintaannya Caveat Persendirian Berdaftar No. Pers. 1991/2006 adalah dimasukkan ke dalam hakmilik bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya caveat di atas itu adalah dimaksudkan supaya mengikat tanah itu sendiri/kepentingan khusus yang diperihalkan dalam Jadual tersebut.

Dan bahawasanya Ahmad bin Abdullah \*tuan punya tanah, telah membuat permohonan kepada saya supaya caveat yang tersebut itu dipotong.

Adalah diberi notis bahawa, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 326, Kanun Tanah Negara, saya akan, apabila habis tempoh dua bulan dari tarikh penyampaian notis ini, atau sesuatu tempoh yang lebih lanjut (jika ada sebagaimana yang diperintah oleh Mahkamah, memotong caveat itu.

To Johari bin Ahmad of Kg. Mempelam, Mukim Mergong, Alor Star, 05150 Kedah at whose instance Private Caveat Registered No. 1991/2006 is entered upon the title to the land described in the Schedule below.

Whereas the above caveat is expressed to bind the land itself/the particular interest described in the said Schedule.

And whereas Ahmad bin Abdullah \*the proprietor of the land has applied to me for the removal of the said caveat.

# WARTA KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

182

[29hb Mac 2007]

Take notice that, in exercise of the power conferred by section 326 of the National Land Code, I shall, at the expiry of the period of two month from the date of service of this notice, or of such further period (if any) as the Court may order, remove the caveat.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Bandar Alor Star. No. Lot/Petak/PT.—Lot 757. Jenis dan No. Hakmilik—GM10453.

Bertarikh 28 September 2006

Dated 28 September 2006

[PSU(K) 946/1379 Jd. 116(105). (3) dlm. PTKS/C/6/1986 FK: 2549/2006]

MOHD. SOFWAN BIN MOHD. KHATIB

*Penolong Pentadbir Tanah II*

*Kota Setar*

*Kedah*

## JADUAL I

(Aturan 23(2))

ATURAN SURAT-SURAT HAKMILIK SEMENTARA (MASA PERALIHAN)  
KEDAH TAHUN 1967

## SCHEDULE I

(Rule 23(2))

KEDAH PROVISIONAL TITLES (TRANSITIONAL RULES) 1967

### No. 167.

NOTIS TUJUAN HENDAK MENGELOUARKAN SALINAN HAKMILIK SEMENTARA  
(PROVISIONAL TITLES) YANG DIAKUI SAH

NOTICE OF INTENTION TO ISSUE CERTIFIED COPIES OF PROVISIONAL TITLE

Dengan ini diberi notis adalah dicadangkan hendak dikeluarkan salinan surat hakmilik sementara (Provisional Titles) yang diakui sah mengenai tanah-tanah yang tersebut di dalam Jadual di bawah kerana sebab-sebab yang berikut:

Notice is hereby given that it is proposed to issue certified copies of provisional title in respect of the lands described in the Schedule below for the following reasons:

## JADUAL/SCHEDE

Bandar/Pekan Mukim	No. Lot/Bahagian dan No. Fail	Keluasan/Jenis dan No. Surat Hakmilik	Sebab-sebab
Pelubang	— I/H/18/2007	Hektar 0.7523      HSM 9/88 (PM 13)	Hilang

# WARTA KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

29hb Mac 2007]

183

Bandar/Pekan Mukim	No. Lot/Bahagian dan No. Fail	Keluasan/Jenis dan No. Surat Hakmilik	Sebab-sebab
Pekan Ayer Hitam	— I/H/21/2007	Hektar 0.7543 HSM 1001	Hilang

Bertarikh 20 Februari 2007

Dated 20 February 2007

[PSU(K) 946-1379 Jd. 116(100). PTKP/I/H/2007(10)]

MASTURA BINTI SAPIFEE  
*b.p. Pentadbir Tanah Kubang Pasu*  
*Kedah*

## AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960

(Akta 486)

## LAND ACQUISITION ACT 1960

(Act 486)

**No. 168.**

(Seksyen 8)

PERISYTIHARAN-PERISYTIHARAN PENGAMBILAN YANG DICADANGKAN

(Section 8)

DECLARATIONS OF INTENDED ACQUISITION

Adalah dengan ini diisyiharkan bahawa tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan dalam Jadual di bawah ini adalah dikehendaki bagi maksud berikut:

Tujuan Kemudahan Awam iaitu Pengambilan Balik Tanah untuk Rizab Jalan ke Rumah Merdeka, Bandar Alor Star, Daerah Kota Setar, Kedah Darul Aman.

2. Pelan bagi tanah-tanah dan kawasan yang tertentu yang dinyatakan itu boleh diperiksa dalam masa waktu-waktu bekerja biasa di Pejabat Tanah bagi Daerah tempat letaknya tanah-tanah dan kawasan-kawasan itu.

It is hereby declared that the particular lands and areas specified in the Schedule hereto are needed for the following purpose:

Public Purpose i.e. Proposed Land Acquisition for Road Reserve To Rumah Merdeka, City of Alor Star, District of Kota Setar, State of Kedah Darul Aman.

2. A site plan of the area specified may be inspected during the normal hours of business in the District Land Office of which such site and areas are situated.

# WARTA KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

184

[29hb Mac 2007]

## JADUAL/SCHEDULE

### Bandar—Alor Star. Daerah—Kota Setar.

No. Lot Ukur/ Survey Lot No.	Hakmilik atau Pendudukan/ <i>Title or Occupation</i>	Tuanpunya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan/ <i>Registered Proprietor or Recorded Occupant</i>	Keluasan Lot/ <i>Area of Lot</i>	Anggaran Keluasan yang akan Diambil/ <i>Approximate Area to be Acquired</i>
			Hektar/ <i>Hectare</i>	Hektar/ <i>Hectare</i>
71 Sek. 25	G: 27	Putra & Co. Sdn. Berhad 1/1 bhg.  Kaveat persendirian atas tanah oleh Tunku Noor Hayati binti Tunku Abdul Rahman Putra didaftarkan pada 18 Ogos 2002	0.21575025	0.0579
1463	G: 95369	Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al Haj Ibni Almarhom Sultan Abdul Hamid	0.4788	0.0235

Bertarikh 10 Januari 2007

Dated 10 January 2007

[PSU(K) 688-1427. PTG(K) L: 36/2006(4C)]

HAJI MOHD. SHAHADAN BIN ABDULLAH  
*Ketua Penolong Pengarah Tanah dan Galian*  
*b.p. Pengarah Tanah dan Galian*  
*Kedah*

### No. 169.

Adalah dengan ini diisyiharkan bahawa tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan dalam Jadual di bawah ini adalah dikehendaki bagi maksud berikut:

Tujuan Awam iaitu Pengambilan Balik Tanah untuk Projek Trans Eastern Kedah Interland Highway Dari Durian Burung ke Kupang Pakej 1 – Dari Durian Burung ke Pedu, Mukim Pedu, Daerah Padang Terap, Kedah Darul Aman.

2. Pelan bagi tanah-tanah dan kawasan yang tertentu yang dinyatakan itu boleh diperiksa dalam masa waktu-waktu bekerja biasa di Pejabat Tanah bagi Daerah tempat letaknya tanah-tanah dan kawasan-kawasan itu.

It is hereby declared that the particular lands and areas specified in the Schedule hereto are needed for the following purpose:

Public Purpose i.e. Proposed Land Acquisition for Trans Eastern Kedah Interland Highway Project From Durian Burung to Kupang Package 1 – From Durian Burung to Pedu, Mukim of Pedu, District of Padang Terap, State of Kedah Darul Aman.

2. A site plan of the area specified may be inspected during the normal hours of business in the District Land Office of which such site and areas are situated.

# WARTA KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

29hb Mac 2007]

185

## JADUAL/SCHEDULE

### Mukim—Pedu. Daerah—Padang Terap.

No. Lot Ukur/ Survey Lot No.	Hakmilik atau Pendudukan/ Title or Occupation	Tuanpunya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan/ Registered Proprietor or Recorded Occupant	Keluasan Lot/ Area of Lot	Anggaran Keluasan yang akan Diambil/ Approximate Area to be Acquired
PT. 1754	HS(M) 1356 LLJT	Ali bin Ahmad (K/P 540403-02- 5163)	1.2383	0.1985
PT. 1755	HS(M) 1357 LLJT	Salmah bt. Ismail (K/P 610916- 02-5292)	1.2383	0.6939
PT. 1733	HS(M) 1386 LLJT	Suhaimi bin Abdul Halim (K/P 650620-02-5677)	0.5809	0.0166
PT. 1738	HS(M) 1390 LLJT	Mhd. Ghazali bin Lazim (K/P 620731-02-5381) digadai kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan	1.7688	0.4152
PT. 1739	HS(M) 1391 LLJT	Mohd. Ali Rosidi bin Lazim (K/P 671109-02-5533)	1.7626	0.3314
PT. 1741	HS(M) 1451 LLJT	Baharuddin bin Abd. Majid (K/P 460605-02-5145)	2.6726	0.8064
PT. 1742	HS(M) 1406 LLJT	Bashariah bt. Khosim (K/P 460605- 02-5145)	2.0007	0.0387
PT. 1744	HS(M) 1462 LLJT	Fatimah bt. Hassan (K/P 550817- 02-5314)	0.6578	0.3454
PT. 1747	HS(M) 1461 Dusun	Fatimah bt. Hassan (K/P 550817- 02-5314)	1.331	0.4659
1037	GM: 1265 Bendang	Siti Fatimah bt. Ahmad (K/P 600103-02-5438)	0.23138	0.0205

Bertarikh 7 Februari 2007

Dated 7 February 2007

[PSU(K) 669-1425. PTG(K)L: 30/2003(27C)]

**HAJI MOHD. SHAHADAN BIN ABDULLAH**  
*Ketua Penolong Pengarah Tanah dan Galian*  
*b.p. Pengarah Tanah dan Galian*  
*Kedah*

# WARTA KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

186

[29hb Mac 2007]

## No. 170.

### PINDAAN

Jadual kepada Pemberitahuan *Warta* No. 221 yang disiarkan pada 11 Mei 2006 adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan:

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Pendudukan	Tuan punya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan	Luas Lot	Lebih kurang Luas yang hendak Diambil
			Hektar	Hektar
123	SP 34369	Mohammed Salleh Haji Din 1/1 bhg.	0.3498	0.3498

dengan perkataan-perkataan yang berikut:

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Pendudukan	Tuan punya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan	Luas Lot	Lebih kurang Luas yang hendak Diambil
			Hektar	Hektar
PT 5 (Lot 123)	HS(M) 95	Abdul Hamid bin Md. Isa 1/1 bhg.	0.35	0.35

Bertarikh 13 Februari 2007  
[PTG(K)L: 03/2005(12)]

HAJI MOHD. SHAHADAN BIN ABDULLAH  
*Ketua Penolong Pengarah Tanah dan Galian*  
*(Pembangunan)*  
*Kedah*

## No. 171.

Jadual kepada Pemberitahuan *Warta* No. 611 yang disiarkan pada 21 Disember 2006 adalah dipinda dengan menggantikan angka “7286 Asal PT 892” yang terdapat dalam ruangan “No. Lot Ukur” dengan angka “7268 Asal PT 892”.

[PTG(K)L: 44/1992(10)]

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).**



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD  
CAWANGAN ALOR STAR  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA